



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Jururawat (Pindaan) 1980

DR.5/1980

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat 1950.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jururawat (Pindaan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 4 Akta Jururawat 1950, yang dalam Akta ini disebut sebagai "Akta ibu", adalah dipinda dengan—

Pindaan
bagi
seksyen 4.
Akta 14.

(a) menggantikan noktah bagi koma dalam baris keempat seksyen-kecil (1) dan memotong semua perkataan seksyen-kecil itu yang terdapat selepas koma itu;

(b) menggantikan perenggan (b) seksyen-kecil (2) dengan yang berikut:

"(b) suatu bahagian tambahan mengandungi nama penolong-penolong jururawat;"

(c) memasukkan selepas perkataan akhir perenggan (c) seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “dan mengandungi tiga seksyen, satu bagi jururawat-jururawat yang dimasukkan ke dalam bahagian am Daftar, satu bagi penolong-penolong jururawat dan satu lagi bagi jururawat-jururawat yang tidak dapat dimasukkan dalam salah satu daripada dua seksyen itu”;

(d) menggantikan perenggan (e) dan (f) seksyen-kecil (2) dengan yang berikut:

“(e) suatu bahagian tambahan mengandungi nama jururawat-jururawat luarbandar di Malaysia Barat;

(f) suatu bahagian tambahan mengandungi nama jururawat-jururawat masyarakat di Sarawak;”;

(e) memasukkan selepas sahaja perenggan (f) seksyen-kecil (2) perenggan (g) baru yang berikut:

“(g) suatu bahagian tambahan mengandungi nama jururawat-jururawat kesihatan luarbandar di Sabah; dan”;

(f) menomborkan semula perenggan (g) seksyen-kecil (2) sebagai perenggan (h);

(g) memotong perkataan-perkataan “atau (e)” dalam proviso kepada seksyen-kecil (2); dan

(h) menggantikan seksyen-kecil (3) dengan yang berikut:

“(3) Dalam apa-apa pembicaraan, suatu perakuan di bawah tandatangan Pengerusi Lembaga yang menyatakan sama ada seseorang itu didaftarkan di bawah Akta ini atau tidak adalah menjadi keterangan muktamad bagi fakta itu dan bagi lain-lain fakta yang berkaitan dengan fakta itu yang mungkin terkandung dalam perakuan itu.”.

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan—Pindaan
bagi
seksyen 5.

(a) menggantikan perenggan (b) seksyen-kecil (2) dengan yang berikut :

“(b) menghendaki bahawa latihan yang ditetapkan itu hendaklah dijalankan di suatu institusi yang diluluskan oleh Lembaga bagi maksud itu dan menetapkan keperluan-keperluan bagi kemasukan ke institusi yang sedemikian itu dan kursus-kursus pengajaran yang akan diberi di dalamnya.”; dan

(b) memotong perenggan (c) seksyen-kecil (2).

4. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen-kecil (1).Pindaan
bagi
seksyen 6.**5. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan—**Pindaan
bagi
seksyen 10.

(a) menggantikan perkataan-perkataan “lima ratus ringgit” dalam baris ketiga dari bawah seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “satu ribu ringgit”; dan

(b) menggantikan perkataan-perkataan “satu ribu ringgit” dalam baris kelima seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “dua ribu ringgit”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen-seksyen 4, 5, 6 dan 10 Akta Jururawat 1950.

2. Seksyen-kecil (1) seksyen 4 menghendaki nama-nama semua orang yang termasuk dalam Daftar Jururawat disiarkan pada tiap-tiap tahun dalam *Warta*. Pindaan bagi seksyen-kecil itu menghapuskan kehendak ini yang mana adalah menjadi beban dan tidak memenuhi apa-apa tujuan yang berguna.

3. Seksyen-kecil (2) seksyen 4 menghendaki supaya Daftar Jururawat mengandungi beberapa bahagian. Pindaan bagi seksyen-kecil itu membuat beberapa perubahan kepada kehendak itu. Tidak terdapat lagi suatu bahagian tambahan mengandungi nama penolong-penolong jururawat yang didaftar oleh Negeri, yang disimpan oleh ketua pentadbiran Jabatan Perubatan dalam tiap-tiap Negeri. Sebagai gantinya diadakan suatu bahagian tambahan

mengandungi nama penolong-penolong jururawat, yang akan disimpan di suatu pusat. Bahagian tambahan bagi jururawat-jururawat sakit otak akan terbahagi kepada tiga seksyen, satu bagi jururawat-jururawat yang nama mereka terdapat juga dalam bahagian am Daftar, satu bagi penolong-penolong jururawat, dan yang lagi satu bagi jururawat-jururawat yang tidak boleh dimasukkan dalam dua seksyen itu. Tidak terdapat lagi bahagian-bahagian tambahan bagi jururawat-jururawat pergigian dan jururawat-jururawat yang terlatih untuk menjaga pesakit-pesakit batuk kering. Terdapat tiga bahagian tambahan baru, satu bagi jururawat-jururawat luarbandar di Malaysia Barat, satu bagi jururawat-jururawat masyarakat di Sarawak, dan satu bagi jururawat-jururawat kesihatan luarbandar di Sabah.

4. Adalah perlu menggantikan seksyen-kecil (3) seksyen 4, yang berhubung dengan bukti dalam mana-mana pembicaraan tentang fakta pendaftaran, berikutan dengan terhapusnya kehendak untuk mewartakan catitan-catitan dalam Daftar Jururawat.

5. Perenggan (b) seksyen-kecil (2) seksyen 5 menghendaki supaya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen itu mengandungi peruntukan-peruntukan yang menghendaki bahawa latihan untuk kemasukan dalam Daftar Jururawat dijalankan di institusi yang diluluskan atau dalam perkhidmatan jururawat angkatan bersenjata United Kingdom. Dalam perenggan (b) baru kehendak alternatif tentang latihan dalam perkhidmatan jururawat angkatan tentera United Kingdom adalah ditinggalkan dan terdapat suatu peruntukan tambahan yang menghendaki supaya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 5 menetapkan keperluan-keperluan bagi memasuki institusi yang diluluskan dan kursus pengajaran yang diberikan di dalamnya.

6. Perenggan (c) seksyen-kecil (2) seksyen 5 adalah dipotong kerana tidak berguna lagi.

7. Seksyen-kecil (1) seksyen 6 melayakkan orang-orang yang didaftarkan dalam daftar-daftar tertentu di United Kingdom dan Republic Ireland untuk didaftarkan di bawah Akta ini. Seksyen-kecil itu dipotong untuk menamatkan kelayakan itu.

8. Seksyen 10 adalah dipinda untuk menaikkan sekali ganda denda bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 827.]